

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL  
[ JELEBU ]**

**TARIKH JAWAPAN : 10 JUN 2014 (SELASA)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan

:-

- (a) apakah punca sebenar dan sebab-sebab berlakunya kejadian gangguan bekalan elektrik di 6 negeri Johor, Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Kedah pada awal bulan Mei 2014 yang lalu; dan
- (b) adakah Tenaga Nasional Bhd. menerima apa-apa tuntutan kerugian dari mana-mana pihak ekoran kejadian tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada 6 Mei 2014, 2 unit penjaanan di Stesen Jana Kuasa Arang Batu Janamanjung terpaksa dihenti tugas berikutan pencemaran asid hidroklorik ke dalam tangki air *demineralised* yang membekalkan *feed water* kepada ketiga-tiga dandang unit penjaanan. Kesan daripada kejadian tersebut, kesemua air dalam tangki *demineralised* dan dandang perlu dinyahkan dan proses tersebut mengambil masa selama 3 hari. Dengan satu unit penjaanan yang sudah dihenti tugas pada awalnya untuk membaiki kerosakan kepada *induced draft fan*, kehilangan 2,100 MW dari stesen jana kuasa ini telah memberi impak yang besar kepada kapasiti tersedia dalam sistem.

2. Selain itu, pada 6 Mei 2014, terdapat juga 2 henti tugas tidak berjadual fasiliti gas hulu (*upstream gas facilities*) yang telah mengakibatkan kekangan bekalan gas kepada sektor penjaanan elektrik pada 2 hingga 7 Mei 2014. Ini telah menyebabkan kehilangan kapasiti sebanyak 420 *million standard cubic feet per day* (mmscfd) di mana

bekalan gas yang diperuntukkan pada 6 Mei 2014 kepada Sektor Elektrik hanya pada kadar 1,250mmscfd berbanding keperluan sebenar sebanyak 1,600mmscfd. Walaupun fasiliti gas hulu telah kembali beroperasi pada 7 Mei 2014, peruntukan kepada Sektor Elektrik masih dihadkan kepada 1,300mmscfd untuk memastikan tekanan dalam paip berada pada tahap yang memuaskan. Tambahan lagi, kehilangan kapasiti pada 7 Mei 2014 daripada Stesen Jana Kuasa Tuanku Jaafar (240MW) dan Stesen Jana Kuasa Kapar (430MW) telah memburukkan lagi keadaan.

3. Berikutan kekangan dalam kapasiti penjanaan disebabkan oleh henti tugas tidak berjadual unit-unit penjanaan arang batu serta keadaan bekalan gas yang terhad, penggunaan bahan api *distillate* bagi 19 unit penjanaan gas terpaksa dilakukan pada 7 Mei 2014. Penggunaan *distillate* sebanyak 15 juta liter bagi unit-unit penjanaan gas turut menyebabkan unit-unit penjanaan tersebut menjana pada tahap yang rendah daripada keupayaan sebenarnya (*deration*). Ini turut menyumbang kepada kekurangan kapasiti dalam sistem.

4. Pada 7 Mei 2014, rizab operasi telah berkurangan daripada 2,300MW (14%) kepada 768MW (4.8%). Keadaan ini adalah disebabkan oleh kerosakan tidak berjadual unit-unit penjanaan berjumlah 3,860MW;

henti tugas untuk senggaraan unit-unit penjanaan yang berjumlah 1,155MW; dan pengurangan kapasiti disebabkan *deration* berjumlah 467MW. Justeru itu, selaras dengan tatacara yang terkandung dalam Kanun Grid Semenanjung (*Peninsular Grid Code*), Pengendali Sistem Grid (*Grid System Operator*) telah mengaktifkan *brownouts*, dengan izin, untuk memastikan grid nasional tidak runtuh (*collapse*) secara keseluruhan dan akan menjadi *nationwide blackout*, dengan izin.

Ahli Yang Berhormat,

5. Sehingga kini pihak Tenaga Nasional Bhd. tidak menerima apa-apa tuntutan kerugian dari mana-mana pihak ekoran kejadian tersebut. Namun demikian, sebarang tuntutan yang berkaitan boleh dihantar ke pejabat TNB yang berdekatan. Pihak TNB akan membuat semakan ke atas tuntutan tersebut dan akan memberi pertimbangan sewajarnya berdasarkan kepada peruntukan dalam akta sedia ada iaitu Akta Bekalan Elektrik 1990 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

\*\*\*\*\*